

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my

Sunsilk gilap bakat pereka muda

Seramai 20 peserta akhir pertandingan Sunsilk Lively Clean & Fresh Hijabku, Gayaku mempamerkan bakat mereka di peringkat antarabangsa sempena festival fesyen Islamik (IFF), bagi merebut gelaran juara pereka dan model.

Acara yang menampilkan 10 pereka bersama 10 model adalah peserta terbaik yang disenaraikan pendek menerusi Sunsilk Hijabku, Gayaku.

Pertandingan itu adalah sebahagian daripada kempennya Lively Clean and Fresh Sunsilk bagi tahun ini, bertujuan membantu bakat muda mengukir impian dan memberi keyakinan untuk merebut satu peluang istimewa.

Pemenang bagi kategori pereka milik Muhammad Ridzuan Alias manakala model dikenang, Nurul Syifa @ Siti Aishah Ahmardi.

"Say berterima kasih kepada Sunsilk atas peluang yang hebat ini. Ia sebagai batu loncatan untuk saya dalam bidang reka bentuk fesyen dan mentor Hijabku Gayaku telah banyak mengajar saya," kata Muhammad Ridzuan.

Pemenang model pula tidak pernah menjangka memenanginya.

"Kemengan ini adalah satu bonus. Hijabku, Gayaku telah membuat saya lebih

yakin dan saya teruja dengan peluang akan datang," katanya.

Pengarah Pembangunan Jenama (Rambut, Deo & Dandanan Lelaki), Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Ashlee Ng berkata, kempennya Lively Clean and Fresh Sunsilk tahun ini direka bentuk untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menjadikan impian mereka satu realiti tanpa perasaan bimbang tentang rambut mereka.

"Kerjasama kami dengan IFF adalah cara Sunsilk menunjukkan komitmen pemintas hijabi tampil yakin untuk menikmati kehidupan sepenuhnya," katanya.

PELBAGAI LATAR BELAKANG

Kesemua bakat tempatan muda ini terdiri daripada pelbagai latar belakang, datang dengan keinginan membawa untuk membawa jenama mereka dalam industri fesyen.

Projek Hijabku, Gayaku adalah program realiti TV, lima episod yang menyiarkan perjalanan semua finalis menghadapi pelbagai cabaran direka untuk memberikan pelbagai kemahiran dan ilmu bagi menyediakan mereka peluang ke peringkat akhir di IFF.

Siri ini adalah peluang rakyat Malaysia



Model (kiri) menggayakan rekaan Muhammad Ridzuan (tengah), Ashlee dan pemenang katogori model, Nurul Syifa pada majlis IFF.

mengikuti perjalanan pereka dan model Hijabku, Gayaku dalam proses berkongsi kisah peribadi setiap finalis.

Pertandingan ini dipimpin tokoh tersohor dunia fesyen tempatan, Datuk Sri Raja Rezza Shah, Pengasas dan Pengerusi IFF, Rico Rinaldi, pereka terkenal, Fedrick Wong dan Hatta Dolmat.

Semua finalis mempelajari pelbagai

tips dan trik industri serta memperoleh keyakinan untuk menunjukkan bakat mereka di festival fesyen antarabangsa.

Selepas lebih sedekad dedikasi memberi keyakinan kepada hijabis melalui projek rambut pakar, kempennya Lively Clean and Fresh Sunsilk tahun ini berada di tahap baru.

Sinergi Sunsilk dengan IFF memberi platform buat mereka yang bercita-cita menjadi model dan pereka fesyen Malaysia untuk mencipta nama dalam dunia fesyen dan merealisasikan impian mereka.

Selain pendedahan di pertunjukan fesyen Sunsilk di IFF, juara pereka diberi peluang sekali seumur hidup untuk mendapatkan perspektif dalam ranjau fesyen melalui latihan amali selama sebulan bersama Rico Rinaldi.

Kedua-dua juara pereka dan model memenangi RM5,000 dan liputan khas empat halaman dalam majalah Hijabista keluaran Februari.

Maklumat lanjut, layar <http://www.facebook.com/SunsilkMalaysia>.



IFF tahun ini berjaya mencungkil bakat muda yang oleh diketahui ke peringkat antarabangsa.

Rugged Nomad untuk si aktif

JEEP Spirit memperkenalkan koleksi pakaian terbaru direka khas untuk pengembawa. Bertemakan Rugged Nomad, koleksi terbaru ini direka khas untuk mereka yang aktif serta mengembara aksi lasak dan warga kota yang suka mengembara.

KOLEKSI LELAKI

Pada musim ini, Jeep memperkenalkan rekaan yang fleksibel dan fabrik koleksi ini dipertingkatkan bersama pembaharuan potongan untuk seluar cargo dari jeans. Kemeja T berkolar bulat dari polo T ditampilkan dalam cetakan corak dan warna terbaru. Kemeja Chambray turut diperkenalkan manakala rekaan jaket ala tentera disegarkan dengan fabrik ringan untuk keselesaan yang lebih bagi pemakai untuk mengembara pada musim panas.

KOLEKSI PEREMPUAN

Kemeja dan dress korduroi diperbaharui dengan cetakan bunga terang dalam warna alam semula jadi seperti biru, merah, kuning, dan kuning air yang mudah digunakan. Kemeja Chambray dan korduroi pula menampilkan fabrik dan potongan sesuai untuk wanita yang gemar bergaya.

KOLEKSI KANAK-KANAK

Jeep Kids menawarkan rekaan berwarna-warni, sporty dan santai untuk koleksi kanak-kanak terbaru ini. Pelbagai jenis kemeja direka dengan warna alam semula jadi untuk memudahkan gaya berlapis dan dipadankan dengan seluar pendek cargo atau jeans. Koleksi terbaru untuk kanak-kanak perempuan turut menampilkan

denim kasual dan dress korduroi bergaya.

Koleksi terbaru jeep boleh didapati di semua Outfitters Studio dan pusat membeli-belah terkemuka. Harga pakaian bermula dari RM39 sehingga RM399. Keterangan lanjut, www.facebook.com/jeepApparelMY.



Jeep Kids menawarkan rekaan berwarna-warni, sporty dan santai untuk koleksi kanak-kanak.